

PANDUAN RINGKAS PENGGUNAAN APLIKASI



Disediakan oleh,

Dr. Nurul Syafiqah Rezali
Ahli Jawatankuasa
Unit Sokongan Akademik Pelajar (SAS)

**PANDUAN RINGKASINI DISEDIAKAN
KHUSUS UNTUK PARA PELAJAR
SARJANA MUDA DAN PASCASISWAZAH
PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH**

Apa yang perlu anda tahu?

1

Pengenalan

- Fungsi Cisco Webex

2

Daftar Masuk & Menyertai Cisco Webex

- Tatacara menyertai kuliah / tutorial / jemputan Webinar / pembentangan

3

Kepelbagaiannya Tools dalam Cisco Webex

- Butang *Audio*, *Video*, *Share*, *Chatting Room*, Ikon reaksi dan lain-lain fungsi

4

FAQs

PENGENALAN



adalah aplikasi komunikasi dalam talian yang menggabungkan video, audio, paparan media, papan tulis, permesejan, serta perkongsian fail dan dokumen.

Selain itu, perisian ini juga menawarkan Webex Teams yang sesuai untuk tujuan kerja berpasukan dalam satu-satu kelompok, secara maya tanpa had dengan jaminan keselamatan.

Sejak Sidang Akademik 2013/2014, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh telah mula menggunakan perisian ini kerana ia menawarkan:

1. ciri-ciri perisian yang lebih mesra pengguna;
2. had kapasiti peserta yang lebih tinggi, berbanding aplikasi panggilan video yang lain;
3. kualiti panggilan video yang berstatus HD (*High Definition*)

DAFTAR MASUK & MENYERTAI CISCO WEBEX

**Untuk aktiviti kuliah / tutorial / jemputan
Webinar / pembentangan, pelajar boleh
menyertai Cisco Webex melalui *Web Browser,
Desktop App, Mobile App* atau audio melalui
panggilan telefon.**

Tatacara menyertai kuliah / tutorial / jemputan Webinar / pembentangan melalui *Web Browser* *:

1. Buka pautan (*link*) jemputan yang diterima emel atau hebahan aplikasi *Whatsapp*, *Facebook* dan seumpamanya, kemudian klik ***Join Meeting***.
2. Pelajar tidak perlu memuat turun aplikasi Webex App, justeru tekan butang ***Cancel*** pada notifikasi arahan "Open Webex?" atau "Cisco Webex Meetings?"
3. Klik butang ***Join from your browser***.
4. Lakukan konfigurasi pada audio dan video seperti berikut:
 - a. Matikan suara dengan klik butang ***Mute***
 - b. Matikan kamera dengan klik butang ***Stop Video***
 - c. Pastikan sumber audio dipilih dengan tepat. Lazimnya, ***Audio: Use computer audio***
 - d. Uji mikrofon dan pembesar suara, klik ***Test speaker and microphone***
5. Klik butang hijau ***Join Meeting***.

* Pelajar dinasihatkan menggunakan perisian Google Chrome untuk paparan terbaik.

Tatacara menyertai kuliah / tutorial / jemputan Webinar / pembentangan melalui *Desktop App*:

1. Buka pautan (*link*) jemputan yang diterima melalui emel atau hebahan aplikasi *Whatsapp*, *Facebook* dan seumpamanya, kemudian klik ***Join Meeting***.
2. Untuk pengguna kali pertama, pelajar perlu memuat turun aplikasi *Webex App*, dan klik butang biru ***Click here to install Webex.exe***
3. Selepas proses memuat-turun tersebut selesai, teruskan pemasangan aplikasi (***install***) pada komputer anda. Ikut arahan seterusnya dan isikan maklumat berkaitan.
4. Notifikasi kuliah/tutorial/jemputan Webinar/pembentangan akan dipaparkan sejurus proses pemasangan selesai. Pada maklumat ***Enter your information***, masukkan nama dan alamat emel anda, kemudian klik butang ***Next***.
5. Lakukan konfigurasi pada audio dan video seperti berikut:
 - a. Matikan suara dengan klik butang ***Mute***
 - b. Matikan kamera dengan klik butang ***Stop Video***
 - c. Pastikan sumber audio dipilih dengan tepat. Lazimnya, ***Audio: Use computer audio***
 - d. Uji mikrofon dan pembesar suara, klik ***Test speaker and microphone***
6. Klik butang hijau ***Join Meeting***.


Tatacara menyertai kuliah / tutorial / jemputan Webinar / pembentangan melalui *Webex Mobile App:**

1. Pastikan perisian **Webex Mobile App** telah dimuat turun dan dipasang (*install*) pada peranti anda.
2. Buka pautan (*link*) jemputan, klik **Join Meeting**.
3. Perisian **Webex Mobile App** akan dibuka secara automatik.
4. Lakukan konfigurasi pada audio dan video seperti berikut:
 - a. Matikan suara dengan klik ikon 
 - b. Matikan kamera dengan klik ikon 
5. Klik butang hijau **JOIN**.

* Pelajar boleh sertai melalui telefon pintar Android atau iPhone, tablet atau jam pintar Apple

KEPELBAGAIAN TOOLS

*



1

2

3

4

5

6



7

8

9

10

13

	FUNGSI	PENERANGAN
1.	Mikrofon (Audio)	<p>i. Pelajar perlu klik  setiap kali menyertai kuliah/tutorial/ jemputan Webinar/ pembentangan.</p> <p>ii.  menunjukkan mikrofon anda dalam mod senyap.</p> <p>iii. Klik  bila anda <u>perlu</u> bercakap sahaja.</p>
2.	Kamera (Video)	<p>i. Pelajar perlu klik  setiap kali menyertai kuliah/tutorial/ jemputan Webinar/ pembentangan.</p> <p>ii. Klik  bila anda ingin memaparkan gambar anda.</p>
3.	Kongsi Kandungan <i>(Share content)*</i>	<p>Jika pelajar diminta untuk membuat pembentangan, atau perlu kongsi paparan dengan peserta lain,</p> <p>i. Klik butang Share dan pilih skrin yang ingin anda kongsi (lazimnya pelajar perlu pilih Screen, atau Screen 1), kemudian tekan Share</p> <p>ii. Selepas selesai pembentangan, klik Stop Sharing untuk menamatkan perkongsian paparan.</p>


	FUNGSI	PENERANGAN
4.	Rakam pertemuan	Rakaman akan dilakukan oleh pensyarah/ <i>host</i> atau <i>co-host</i> .
5.	Sesi selari	Fungsi ini digunakan apabila sekiranya pelajar dibahagikan kepada beberapa kelompok kecil, untuk tujuan perbincangan dalam kumpulan. Fungsi ini akan ditetapkan oleh pensyarah/ <i>host</i> atau <i>co-host</i> .
6.	Ikon mengangkat tangan (<i>Raising hands</i>)	Pelajar perlu klik fungsi ini untuk menarik perhatian pensyarah/ <i>admin</i> sebelum memajukan soalan/maklum balas.
7.	Ikon reaksi	Pelajar boleh memilih dari senarai reaksi (emoji) yang disediakan untuk memberi maklum balas segera. Contoh reaksi: Bertepuk tangan, bagus, meraikan dan senyum.
8.	Keluar dari pertemuan	i. Klik fungsi ini untuk menamatkan penyertaan dalam pertemuan. ii. Kemudian, klik butang merah Leave meeting
9.	Senarai peserta	Memaparkan senarai pelajar/peserta yang mengikuti sesi kuliah/tutorial/jemputan Webinar/ pembentangan.

	FUNGSI	PENERANGAN
10.	Ruang pemesejan (<i>Chatting Room</i>)*	<ul style="list-style-type: none">i. Pelajar digalakkan menggunakan ruang ini untuk berkomunikasi bersama pensyarah dan pelajar lain.ii. Contoh komunikasi: memberi maklum balas/jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh pensyarah.iii. Pelajar boleh membuat pilihan samada ingin menghantar mesej kepada semua pelajar/peserta (<i>Send to: Everyone</i>) atau secara peribadi (pilih nama di dalam senarai <i>Send To:</i>)iv. Untuk makluman pelajar, pensyarah/admin akan menerima notifikasi bagi setiap komen yang dinyatakan dalam ruang ini.v. Selain itu, komen-komen juga akan turut terpapar dalam video rakaman.
11.	Lain-lain ciri seperti <i>Polling</i> , <i>Q&A</i>	<ul style="list-style-type: none">i. Q&A – Pelajar boleh mengemukakan soalan kepada pensyarah, tanpa menggunakan ruangan pemesejan.ii. <i>Polling</i> - Undian dan tinjauan hanya boleh ditetapkan oleh pensyarah/host atau co-host.

* Rujuk Lampiran 2

	CIRI-CIRI	PENERANGAN
12.	Skrin kuliah/tutorial/jemputan Webinar/pembentangan	<p>i. Ruang di mana semua bahan media yang dikongsi, serta gambar pensyarah dan pelajar, akan dipaparkan.</p> <p>ii. Pelajar boleh memilih simbol (+ atau -) untuk memperbesar dan memperkecil bahan media pada skrin.</p>
13.	Susun atur video (<i>Video layout</i>)	Untuk menukar susun atur paparan, pelajar perlu klik ikon dan kemudian pilih <i>view</i> . Terdapat beberapa susun atur yang dicadangkan.

LAMPIRAN 1

CONTOH	Kongsi Kandungan (<i>Share content</i>)
<p>Pilihan* skrin yang ada iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none">• <i>Screen or Application</i>• <i>File</i>• <i>Whiteboard</i>• <i>Camera</i> <p>Pilih Screen 1, kemudian tekan Share</p>	

LAMPIRAN 2

CONTOH	Ruang pemesajan (<i>Chatting Room</i>)
Komunikasi antara pensyarah-pelajar dalam ruang pemesajan *	 <p>The screenshot shows a messaging interface with four participants: Nurul Syafiqah Rezali, valqizs, MUHAMMAD AF... (Muhammad Afiq bin Mohamad Noor), and FATIMAH BINTI ... (Fatimah binti Jasmin). The message from Muhammad Afiq contains two chemical reaction schemes for the E2 elimination of 1-bromo-2-methylpropane. The first scheme shows the loss of a bromide ion to form a tertiary carbocation, which then reacts with water to produce 2-methylpropane and a hydroxide ion. The second scheme shows the loss of a bromide ion to form a secondary carbocation, which then reacts with water to produce 1-bromo-2-methylpropane and a hydroxide ion. A note below the schemes states: "we know the E2 if that the leaving group is going to leave and is not going to get a tertiary carbocation. Now when dealing with elimination reaction, we need to treat water as a base rather than nucleophile. If we treat it as a nucleophile, it attacks the carbocation intermediate than it's going to give us the OEt product but to get the Et product it has to behave as a base."</p> <p>Chat:</p> <ul style="list-style-type: none">Fatimah Diana Binti Jasmin 15:21Sn2Ithu Afiza 15:27dr in exam we must write the side products or not?Ithu Afiza 15:30okay got itvalqizs 15:30CampusMUHAMMAD AFIQ BIN MOHAMAD NOOR 15:48 AZMANCis?Nurul Syafiqah Rezali 15:54https://forms.gle/b7utYf0BEM3AEYAFatimah Diana Binti Jasmin 15:54Thank you drvalqizs 15:54Drnurina zainin 15:54thank you dr

FAQs



SOALAN:

Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak mendengar sebarang bunyi-suara sejurus menyertai sesi Webex?

JAWAPAN:

Ada 3 cara penyelesaian*:

1. Tunggu sehingga sesi Webex bermula.
2. Pastikan pembesar suara (speaker) anda berfungsi. Klik ***Test speaker and microphone*** untuk memulakan ujian pembesar suara. Jika ujian berjaya, ini bermakna pembesar suara anda berfungsi. Jika ujian gagal, mungkin terdapat masalah dengan tetapan peranti anda.
3. Log keluar dan log masuk semula.

*Jika masalah masih berterusan, hubungi dan maklumkan kepada pihak pengangur.

FAQs

**SOALAN:**

Mengapa penyertaan saya dalam sesi Webex terbatal (log keluar secara automatik) semasa kuliah/tutorial sedang berlangsung?

JAWAPAN:

Lazimnya, ia disebabkan sambungan internet yang terhad/lemah. Semak sambungan internet anda.

FAQs

**SOALAN:**

Semasa pembentangan, gambar saya tidak kelihatan walaupun kamera telah dibuka. Ia kerap berlaku sejurus lampiran atau slaid pembentangan dipaparkan. Bagaimana saya dapat menangani isu ini?

JAWAPAN:

Ada 2 cara penyelesaian:

1. Log keluar dan log masuk semula.
2. Log masuk menggunakan dua peranti. Satu peranti akan memaparkan gambar anda, dan satu lagi peranti akan memaparkan lampiran/slaid pembentangan. Anda boleh menggunakan mikrofon daripada mana-mana peranti.



**Sebarang pertanyaan berkenaan tatacara penggunaan Webex,
majukan kepada:**

- Dr. Nurul Syafiqah (nsyafiqah@usm.my, Samb 4551); atau
- En. Ahmad Muzhafarr (muzhafarr@usm.my, Samb 2287); atau
- En. Khairul Akmal (k_akmal@usm.my, Samb 2287); atau
- Jawatankuasa Unit SAS melalui Pejabat Timbalan Dekan Teknologi dan Sokongan Pembelajaran